

HARI : SABTU
TARIKH : 29/6/2019
M/SURAT : 4A

RON97 naik 11 sen, RON95, diesel kekal

Putrajaya: Harga runcit petrol RON97 naik 11 sen kepada RM2.38 seliter manakala RON95 dan diesel kekal masing-masing pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter berkuat kuasa tengah malam tadi. Kementerian Kewangan dalam kenyataan semalam berkata, harga bahan api itu ditetapkan bagi tempoh 29 Jun hingga 5 Julai ini berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

